



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/6/2013

# Kepimpinan perlu kukuh untuk membangun

UM-30/6/2013

DAR ES SALAAM 29 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, kekuatan kepimpinan politik adalah salah satu faktor penting yang bakal menentukan kejayaan pelan pembangunan di negara-negara Afrika dan transformasi sosioekonomi yang sedang dirancang dan dilaksanakan.

Menurutnya, tanpa kepimpinan politik yang mempunyai wawasan untuk membangunkan negara, maka sebarang perubahan yang ingin dilakukan di negara terlibat akan

menjadi sukar walaupun sudah bersedia dari segi adaptasi teknologi, modal insan dan kewangan.

Bercakap kepada media Malaysia dalam sidang akhbar selepas menyertai sesi dialog utama pada Dialog Perkongsian Pintar Global 2013 (Global 2013 bertajuk *Memanfaatkan Teknologi untuk Pertumbuhan Perkongsian Pintar dalam Penguatkuasaan Transformasi Sosioekonomi* di Pusat Konvensyen Antarabangsa Nyerere di sini hari ini, beliau berkata:

“Dalam dialog pagi ini, saya telah menyatakan (kepada ketua-ketua kerajaan dan negara Afrika) bahawa Malaysia akan terus berkongsi pengalaman membangunkan negara mereka tetapi setiap negara perlu tentukan kaedah masing-masing yang sesuai. Tidak ada satu formula yang boleh diguna pakai untuk semua negara, ia perlu ambil kita keadaan setempat dan faktor lain.

“Dan paling penting bagi membolehkan segala faktor lain dimanfaatkan, ialah soal kepimpinan ne-

gara atau kepimpinan politik. Kalau tiada pemimpin politik yang mempunyai wawasan, maka faktor lain tidak boleh dimanfaatkan.”

Turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Menurut Najib, dalam mengapikasi dan memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi (STI), setiap negara di Afrika perlu mempunyai dasar STI yang jelas kerana itu amat penting

untuk menentukan hala tuju bagi mana STI boleh digunakan dan dikembangkan bagi mencapai matlamat pembangunan sesebuah negara.

Selain itu, kata beliau, negara-negara peserta Global 2013 juga telah melihat betapa perlunya beberapa aspek lain diberi penekanan termasuk pembangunan teknologi pembuktian (*evidence technology*) dan teknologi teoritikal (*theoretical technology*) bagi memastikan setiap keputusan akan menjadi lebih tepat.

MINGGUAN